

KUALA LUMPUR, 7 APRIL (BERNAMA)-KEMENTERIAN PELAJARAN DIJANGKA AKAN MENGAMBIL ALIH SEPENUHNYA URUSAN PENTADBIRAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DARIPADA KERAJAAN NEGERI DALAM TAHUN 1976.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA PENYERAHAN URUSAN PENTADBIRAN TERSEBUT YANG BERMULA DALAM BULAN JULAI TAHUN SUDAH BELUM BERJALAN SEPENUHNYA KERANA BEBERAPA PERKARA BELUM SELESAI ANTARA PIHAK GURU-GURU UGAMA DAN KERAJAAN NEGERI MASING-MASING.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM (BN-PASIR-PUTEH).

MENJAWAB ENCIK HASHIM GHAZALI (BN-MATANG), DR. MAHATHIR BERKATA GURU-GURU UGAMA KATEGORI B1 DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH YANG DITEMPATKAN KEPADA KATEGORI C2 ADALAH SEBAGAI SATU "CONSESSION".

BELIAU BELUM LAGI BERCADANG UNTUK MENEMPATKAN GURU-GURU KATEGORI B1 YANG LAIN DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KEPADA KATEGORI C2.

MENJAWAB SATU SOALAN WAN SULAIMAN YANG LAIN, DR. MAHATHIR BERKATA MAJLIS PENASIHAT PELAJARAN UGAMA ISLAM SETAKAT INI TELAH MENGADAKAN BEBERAPA KALI PERBINCANGAN MENGENAI MATLAMAT, KONSEP DAN TUJUAN PENDIDIKAN UGAMA, BENTUK PENDIDIKAN UGAMA, KURIKULUM, PEPERIKSAAN DAN LATIHAN-LATIHAN GURU GURU UGAMA.-BERNAMA HM 1940